



Agong berangkat ke Rumah Terbuka Aidilfitri PM di Putrajaya

10



19



Perlu reformasi undang-undang



PERSPEKTIF SHAD SALEEM FARUQI

Krisis badan kehakiman yang melanda negara pada tahun 1988 mengambil masa tiga dekad untuk reda. Tahun itu menyaksikan penggantian enam hakim mahkamah tertinggi dan penyingkiran tidak wajar Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Tun Salleh Abbas serta dua hakim kanan lain.

Sejak empat tahun lalu, terdapat tanda-tanda kebangkitan semula badan kehakiman. Namun, amatlah mendukacitakan bila membaca tentang tuduhan samar dan (apa yang kelihatannya seperti) tuduhan bermotifkan politik terhadap seorang Hakim Mahkamah Rayuan yang telah membicarakan kes SRC pada Julai 2020.

Amat dikesali apabila identiti hakim berkenaan didedahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedangkan nama yang menuduh di-

rahsikan – mungkin atas alasan seksyen 7(1)(a) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Oleh kerana kerahsiaan nama yang kononnya dijamin di bawah akta tersebut, pihak yang menuduh tidak boleh disabitkan dengan tuduhan menghina mahkamah walaupun tohmahan dibuat adalah palsu dan satu percubaan keji untuk mempermain dan mencemar nama hakim tersebut, serta menjejaskan keyakinan orang awam terhadap sistem keadilan sedia ada.

Situasi ini menimbulkan kekhuatiran isu perlembagaan yang memerlukan suatu cadangan kepada reformasi undang-undang. Bila dilihat dari sudut skema perlembagaan terbabit, beberapa prinsip kardinal menjadi jelas.

Pertama, hakim di mahkamah atasan bukanlah anggota perkhidmatan awam menurut Perkara 132(3)(c) Perlembagaan Persekutuan. Namun, Akta SPRM menakrifkan seorang hakim adalah seorang penjawat awam. Tatatertib, penggantian atau pemuangan kerja seorang hakim tidak terletak sepenuhnya di bawah badan eksekutif.

Kedua, Perkara 125(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa dalam kes-kes tatatertib, hakim tersebut

metilhal dibicarakan oleh tribunal yang merangkumi para hakim sahaja. Di bawah Perlembagaan kita, Parlimen dan badan eksekutif tidak boleh membicarakan atau menghukum seseorang hakim atas kesalahan tatatertib.

Ketiga, para hakim adalah terlindung daripada politik. Di bawah Perkara 127, tiada perbincangan Parlimen dibenarkan mengenai kelakuan hakim melainkan ia berdasarkan usul khusus disokong satu perempat daripada jumlah ahli Dewan.

Keempat, di bawah Perkara 126, hakim mempunyai kuasa untuk menghukum sesiapa sahaja yang menghina mahkamah bagi apa-apa perkataan atau merendahkan kuasa seorang hakim atau menyebabkan campur tangan dalam pentadbiran sistem keadilan.

Kelima, hakim mempunyai imuniti daripada sebarang proses sivil dan jenayah dalam melaksanakan fungsi kehakiman mereka.

Jadi apabila hakim bertindak dalam kapasiti peribadi atau bukan dalam kapasiti kehakimannya atau melakukan jenayah seperti rasuah, beliau dipertanggungjawabkan menurut undang-undang biasa. Akta Pencegahan Rasuah adalah terpakai kepada hakim se-

bagaimana ia terpakai kepada semua orang lain.

SPRM mungkin betul dalam menyatakan bahawa ia mempunyai kuasa untuk menyalah dakwaan rasuah yang dibuat terhadap para hakim. Namun, memandangkan wujudnya Kod Etika Hakim 2009 yang mempunyai asas perlembagaan di bawah Perkara 125(3B), kuasa SPRM mestilah dibaca selaras dengan seksyen 12 Kod 2009.

Demi mengelakkan sebarang keraguan, kita perlu membuat reformasi undang-undang untuk menjelaskan bahawa semua aduan terhadap hakim mestilah dirujuk kepada Ketua Hakim Negara terlebih dahulu untuk sebarang kemungkinan prosiding tatatertib.

Cadangan ini adalah berdasarkan situasi kini yang tidak memuaskan – bahawa mana-mana hakim yang membicarakan kes melibatkan isu politik atau isu sensitif boleh diancam oleh laporan jenayah yang difailkan terhadapnya untuk memperlekehkan autoritinya dan mencemarkan sistem keadilan.

* Profesor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi ialah Penyanggand Kerasi Tunku Abdul Rahman Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya

Bila terbiasa rujuk kalendar kuda



PERSPEKTIF DR MOHD SAIFUL ANWAR MOHD NAWAWI

Malaysia selamat menyambut 1 Syawal pada 2 Mei lalu. Ramai yang tidak jangka kerana berpuluh tahun rakyat Malaysia terbiasa tarikh hari raya sama seperti tercatat di kalendar di rumah masing-masing.

Tarikh yang diumumkan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, itulah yang tercatat di kalendar. Malah ada juga suara yang mengatakan “tidak tengok pengumuman pun tak apa, tarikh raya mesti sama dengan kalendar kuda”.

Menjelang lebaran 1443 Hijrah, selepas terbuka puasa, ramai terkejut dengan pengumuman tarikh 1 Syawal jatuh pada Isnin dan bukan Selasa seperti disangka. Sudah tentu, antara topik perbualan kunjung mengunjung raya tahun ini ialah mengenai ‘Raya Terkejut’, ‘Raya Kalut’ atau ‘Raya Kelam Kabut’.

Menjelang lebaran, banyak kenyataan pihak berkuasa yang menerangkan proses penentuan 1 Syawal 1443 Hijrah,

Televisyen, radio serta tulisan di media sosial menguar-uarkan proses rukyah dan hisab serta tarikh melihat anak bulan pada 1 Mei 2022. Sudah tentu tarikh awal Syawal 1443 sama ada 2 Mei atau 3 Mei.

Namun segelintir masyarakat sudah selesai saban tahun merujuk kepada kalendar dinding dalam merancang aktiviti seharian. Kalendar dinding lebih dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai kalendar kuda.

Walaupun sesetengah versi cetakan tidak mempunyai gambar seekor kuda sama sekali. Kalendar kuda memainkan peranan penting dalam merencana sebarang aktiviti individu, keluarga dan masyarakat seperti melancong, cuti rehat, kenduri kendara, cuti persekolahan, cuti umum dan lain-lain semuanya dirujuk di situ. Malah, ada juga yang merujuk tarikh kalendar Hijriah kepada kalendar kuda.

Oleh kerana itu, mungkin segelintir masyarakat yang menyangka tarikh 1 Syawal 1443 jatuh pada 3 Mei 2022 kerana terdapat kalendar mencatatkan tarikh tersebut sebagai tarikh lebaran.

Secara umumnya, terdapat dua versi cetakan kalendar dinding tahun 2022 yang menandakan tarikh awal hari raya. Pertama tarikh Aidilfitri 1443 ditanda-

kan 2 Mei 2022 dan 3 Mei 2022. Kedua, tarikh Aidilfitri 1443 ditandakan 3 Mei 2022 dan 4 Mei 2022.

Semakan di rumah penulis mendapati tiga kalendar tahun 2022 mencatatkan versi 3 Mei 2022 dan 4 Mei 2022 sebagai tarikh awal lebaran 1443 Hijrah. Mungkin ini menambahkan sangkaan bahawa tarikh raya akan jatuh pada 3 Mei 2022 bukannya 2 Mei 2022.

Ini kerana sejak 30 tahun lebih, apa yang ditandakan di kalendar kuda itulah tarikh 1 Syawal atau 1 Ramadan. Sehingga ada yang menulis di ruang komen Facebook Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim): “Kalendar kuda 10 tahun ke depan pun dah tahu bila puasa dan raya”.

Malah ada yang mengatakan rukyah anak bulan merupakan hanya formaliti kerana tarikh sudah ditetapkan lebih awal. Mungkin mereka terlupe bahawa Malaysia mengamalkan rukyah (cerapan) dan hisab (hitungan) dalam penentuan awal Ramadan dan Syawal.

Ini berdasarkan nas yang sahih, Rasulullah SAW bersabda: “Berpuasalah kamu apabila melihat anak bulan dan berbukalah (berhari raya) sekiranya melihat anak bulan. Sekiranya mendung, maka sempurnakanlah 30 hari Syaaban”

(Sahih Bukhari).

Rukyah merupakan kaedah utama dalam penentuan awal bulan Syawal di Malaysia di samping kaedah hisab. Mengikut hisab, kedudukan anak bulan tidak memenuhi syarat kenampakan kriteria imkanurukyah.

Namun begitu, peluang untuk anak bulan kelihatan masih ada. Sekiranya anak bulan tidak kelihatan pada 29 Ramadan 1443 Hijrah (1 Mei 2022), Malaysia akan menyambut 1 Syawal pada 3 Mei 2022.

Sehubungan itu, pada 1 Mei 2022, para mufti mengetahui cerapan anak bulan di 29 lokasi rasmi seluruh Malaysia. Petang 29 Ramadan 1443 Hijrah, anak bulan dilaporkan telah kelihatan dan disahkan oleh pihak berwajib.

Maka tarikh 2 Mei 2022 diumumkan sebagai 1 Syawal 1443 secara rasmi oleh pihak Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Kesimpulannya, boleh rujuk kepada kalendar kuda, namun perlu juga merujuk kepada pihak berkuasa untuk tarikh puasa dan hari raya.

* Dr Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi ialah Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)